



JABATAN
PERLINDUNGAN
HIDUPAN LIAR
DAN
TAMAN NEGARA
SEMENANJUNG
MALAYSIA

Laporan Tahunan 1985

KANDUNGAN

Muka Surat

CARTA ORGANISASI	1
PENTADBIRAN	2
PEMBANGUNAN	20
KUATKUASA UNDANG-UNDANG.....	22
PENYELIDIKAN DAN PENGURUSAN:	25
1. Unit Pengurusan Badak	25
2. Unit Pengurusan dan Penyelidikan Seladang.....	26
3. Unit Penyelidikan Rusa/Kijang	27
4. Unit Pengurusan dan Penyelidikan Harimau.....	31
5. Unit Penyelidikan Primet	32
6. Unit Penyelidikan Kambing Gurun.....	33
7. Projek Pembiakan Tuntung	34
8. Unit Pengurusan dan Penyelidikan Gajah.....	36
9. Unit Inventori, Habitat dan Hidupan Liar.....	38
TAMAN NEGARA	40
LATIHAN DAN PENDIDIKAN	44
APENDIK	
Lampiran A: Kuatkuasa Undang-Undang: Data Pencapaian Kes Bagi Negeri- Negeri Semenanjung Malaysia Tahun 1985	101 - 119
Lampiran B: Data Eksport Hidupan Liar Diperlindungi Oleh Negeri-Negeri Semenanjung Malaysia, 1985	120 - 122
Lampiran C: Jenis Lesen Yang Dikeluarkan Dalam Tahun 1985 Dan Hasil Kutipan	123 - 124

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PENGURUSAN HIDUPAN LIAR

UNIT PENGURUSAN BADAK (*Dicerorhinus Sumatrensis*)

Usaha-usaha menangkap badak kerbau (*Dicerorhinus sumatrensis*) telah diteruskan sepanjang tahun 1985. Seramai 64 orang kakitangan daripada Ibu Pejabat, Johor dan Pahang Darulmakmur telah terlibat secara langsung dalam Operasi Badak. Tempat-tempat penangkapan dan perangkap badak adalah di dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Tempat penangkapan Badak Kerbau
Di Semenanjung Malaysia, 1985

Negeri	Kawasan	Perangkap	
		Kandang	Lubang
Pahang	Bukit Gebok, Maran	1	6
	Kg. Ulu Atok, Raub	1	2
Johor	Tenggaroh, Mersing	1	0
	Kambau, Kota Tinggi	0	10
	Jumlah	3	18



Pahang

Dalam bulan Julai 1985 sebuah perangkap kandang telah siap dibina di Bukit Gebok. Kandang seluas 20' x 35' dibina dengan menggunakan kayu-kayu yang terdapat di Bukit Gebok. Pembinaannya bermula daripada bulan Mei dan mengambil masa selama dua bulan untuk menyiapkannya.

Pada 4hb. September, 1985 perangkap lubang yang pertama di Bukit Gebok mula digali oleh 5 orang kakitangan Unit Pengurusan Badak dari Ibu Pejabat Temerloh. Lubang yang sebesar 8' x 8' x 6' itu memakan masa selama 5 hari untuk disiapkan. Perangkap lubang kedua telah disiapkan beberapa hari kemudiannya. Antara bulan November hingga Disember sebanyak 4 lagi lubang perangkap telah dibina.

Pengarah PERHILITAN Pahang Darulmakmur, Encik Jasmi b. Abdul, telah melaporkan bahawa terdapat seekor badak kerbau yang 'sesat' di kampung Ulu Atok, Daerah Raub. Setelah menyiasat dan meneliti keadaan kawasan, perangkap lubang dan kandang yang difikirkan sesuai dibina di kawasan laluan badak. Pada 5hb. Disember, 1985 seramai 20 orang kakitangan telah menyiapkan perangkap lubang seluas 8' x 8' x 7' dalam masa satu hari.

Johor

Dalam bulan April, 1985 sebuah perangkap kandang telah disiapkan oleh Unit Pengurusan Badak Johor. Besar perangkap tersebut ialah 120' x 25'. Operasi yang intensif untuk menangkap badak di Kambau telah bermula pada 2hb. November, 1985.

Kakitangan daripada Unit Pengurusan Badak, Unit Pengurusan Hidupan Liar, Unit Tangkapan Gajah dan Unit Kawalan Gajah, Johor telah terlibat dalam operasi ini. Pada awal bulan Disember sebanyak 10 buah perangkap lubang telah siap dibina.

UNIT PENGURUSAN DAN PENYELIDIKAN SELADANG (*Bos gaurus hubbaki*)

Sepanjang tahun 1985 Unit Penyelidikan Seladang telah menjalankan kajian mereka di Taman Negara dan Ulu Lepar, Pahang. Unit Pengurusan memberi tumpuan kepada kerja-kerja mereka di Jenderak, Pahang.

Unit Penyelidikan Seladang

Tumpuan kajian ialah untuk menentukan penyebaran dan populasi seladang. Bancian telah dilakukan. Di Taman Negara, kajian telah dijalankan di Ulu Sepia, Ulu Atok, Ulu Sg. Kenyam Kecil, Perkai dan Sungai Tanum. Di Ulu Lepar, didapati seladang telah meninggalkan kawasan tersebut akibat daripada aktiviti perumahan dan penempatan di kawasan tersebut umpamanya di kawasan Kuala Berakit, jenut di Sg. Rani dan Padang Komunis. Seladang akan kembali semula jika aktiviti perumahan dan penempatan diberhentikan.

Unit Pengurusan Seladang

Kerja unit ini ditumpukan untuk menangkap anak-anak seladang di Ulu Lepar dan projek pembiakan dalam kurungan di Jenderak, Pahang. Seekor anak seladang betina telah dapat ditangkap tetapi mati tidak beberapa lama kemudiannya. Pembedahan telah dilakukan untuk menentukan sebab-sebab kematian. Seekor anak seladang jantan telah dilahirkan di dalam bulan April dan merupakan binatang yang pertama dilahirkan di dalam kurungan di negara kita.



UNIT PENYELIDIKAN RUSA/KIJANG (*Cervus Sp*)

Kerja-kerja yang dijalankan oleh unit ini di sepanjang tahun ini ialah merangkumi: (1) Penyelidikan dan pengurusan rusa/kijang di projek-projek pembiakan (di Sungkai, Perak; Jenderak, Pahang dan Gua Musang, Kelantan) (2) Tangkapan kijang di hutan dan (3) Kajian ke atas rusa/kijang buruan semasa musim memburu.

Kepadatan dan Dinamik Populasi

Kedudukan rusa/kijang di tiga buah projek pembiakan adalah seperti di Jadual I.

Jumlah kelahiran dan kematian rusa/kijang di ketiga-tiga buah projek pembiakan adalah seperti di dalam Jadual I.